

**KENYATAAN MEDIA**  
**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**

**Bukit Jalil, 8 Mac 2018** – Satu Memorandum Persafahaman (MoU) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) telah dimeterai pada hari ini. MoU ini bertujuan untuk memupuk dan memperkembangkan kerjasama melalui perkongsian maklumat, ilmu pengetahuan dan pengalaman masing-masing dalam pelbagai aspek termasuk latihan, kemajuan kerjaya, perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap dan alam persekitaran. Selain itu, MoU ini juga akan membuka ruang kepada PSM dan UPM untuk berkongsi

MoU ini merupakan komitmen UiTM dan PSM untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, perkongsian sumber, latihan pelajar dan pelbagai bidang lain yang bakal diterokai dan memberi manfaat. Kerjasama strategik antara universiti dan agensi luar seperti ini merupakan amalan yang banyak dilakukan oleh universiti luar negara dalam mereka bentuk kemudahan sukan yang terancang dan sebagainya.

PSM memilih untuk berkolaborasi dengan UiTM dengan mengambil kira beberapa faktor antaranya UiTM merupakan salah sebuah IPT yang mempunyai Pusat Sukan yang diperakui kredibiliti para pelajarnya yang dilihat mampu untuk membantu PSM melalui program sukarelawan kakitangan dan pelajar UiTM kepada PSM, menjadikan PSM sebagai lokasi untuk kajian akademik dan sebagai penempatan latihan industri untuk pelajar UiTM. Ketiga-tiga faktor ini, dilihat mampu mewujudkan jaringan kerjasama dan perkongsian kepakaran bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di antara PSM dengan UiTM serta memantapkan dan memartabatkan pengurusan kemudahan sukan PSM.

Pada peringkat permulaan ini, kerjasama ini akan berjalan untuk tempoh tiga tahun dan kemungkinan akan diteruskan bergantung kepada persetujuan kedua-dua pihak selepas itu.

---

**Tentang UiTM:**

Misi UiTM adalah mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

**Tentang PSM:**

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelenggara KL Sports City (Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil), Kompleks Sukan Bukit Kiara, Kompleks Sukan Jalan Duta, Kompleks Sukan Setiawangsa, Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic) dan Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak.

**Encik Shahrin Hj. Ismail**  
**Pegawai Sukan Universiti Teknologi MARA**  
**013-3033181**